

Pemohon: Cert Holder Name
Bakal Peserta: Participant Name

Tarikh: DD/MM/YY
Tarikh Lahir: DD/MM/YY
Umur: XX

HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK – ProtectElite-*i* Link

Sila baca Helaian Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk menyertai pelan ProtectElite-*i* Link. Pastikan juga anda membaca terma dan syarat di dalam Ilustrasi Manfaat dan Sijil Takaful setelah permohonan anda diterima.

AmMetLife Takaful Berhad ialah pengendali takaful keluarga berdaftar di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

1. Apakah ProtectElite-*i* Link?

Ini adalah pelan takaful berkaitan pelaburan yang menawarkan gabungan perlindungan dan pelaburan. Ia menyediakan jumlah perlindungan asas atau nilai semasa unit pelaburan dalam Dana Pelaburan Peserta (DPP) iaitu nilai DPP, yang mana lebih tinggi sekiranya berlaku kematian atau hilang upaya kekal dan menyeluruh (HUMK) peserta semasa tempoh sijil. Ia juga membayar tambahan jumlah perlindungan asas sekiranya peserta meninggal akibat kemalangan. Apabila matang, nilai DPP akan dibayar sekiranya sijil belum ditamatkan.

Nilai pelan takaful berkaitan pelaburan ini adalah bergantung kepada harga uni-unit sandaran, di mana ia bergantung kepada prestasi dana(-dana) yang telah anda pilih.

2. Apakah konsep-konsep Syariah yang diguna pakai?

- **Wakalah** – Pelan ini mengguna pakai konsep Wakalah (Agensi), di mana semua pemegang sijil melantik AmMetLife Takaful Berhad (AmMetLife Takaful) untuk bertindak bagi pihak mereka untuk melaburkan dan menguruskan Dana Pelaburan Peserta (DPP) dan Dana Risiko Peserta-peserta (DRP). AmMetLife Takaful berhak menerima fi wakalah, bagi mengurus dan melaburkan dana, seperti yang dinyatakan dalam Ilustrasi Manfaat untuk menguruskan dan melaburkan dana-dana.
- **Tabarru'** – Pelan ini mengguna pakai konsep tabarru', di mana semua peserta bersetuju untuk menderma atau menyumbang sebahagian daripada jumlah DPP yang telah ditentukan ke dalam DRP untuk tujuan bantuan bersama dan pertolongan kepada semua peserta-peserta lain ketika ditimpa musibah.
- **Qardh** – Pinjaman tanpa faedah daripada AmMetLife Takaful sekiranya DRP berada dalam keadaan defisit. Pinjaman ini akan dibayar semula daripada lebihan yang terhasil daripada DRP pada masa hadapan.

3. Apakah perlindungan-perindungan / manfaat-manfaat yang disediakan?

Jumlah Perlindungan Asas untuk pelan ini adalah: RM XXX

Manfaat-manfaat pelan ini adalah:

Manfaat-manfaat	Jumlah akan dibayar
Manfaat Kematian	100% daripada Jumlah Perlindungan Asas atau nilai DPP, yang mana lebih tinggi.
Manfaat Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (HUMK)	100% daripada Jumlah Perlindungan Asas atau nilai DPP, yang mana lebih tinggi.
Manfaat Kematian Akibat Kemalangan	Sekiranya peserta meninggal dunia akibat kemalangan, tambahan sebanyak: a) 100% daripada Jumlah Perlindungan Asas; atau b) 200% daripada Jumlah Perlindungan Asas jika kematian akibat kemalangan berlaku semasa menaiki pengangkutan awam. dibayar sebagai tambahan keatas Manfaat Kematian.
Manfaat Matang	Nilai DPP.

- **Dana Pelaburan**

AmMetLife Takaful Balanced Fund:	XX%
AmMetLife Takaful Balanced Plus Fund:	XX%
AmMetLife Takaful Equity Fund:	XX%
AmMetLife Takaful Sukuk Fund:	XX%

Peringatan: Sila baca Ilustrasi Manfaat dan Helaian Fakta Dana yang disediakan oleh AmMetLife Takaful berkenaan manfaat-manfaat produk dan objektif dana berkaitan pelaburan. Adalah penting untuk memilih dana atau gabungan dana-dana yang menepati matlamat kewangan dan profil risiko anda.

4. Berapakah sumbangan yang perlu saya bayar?

Jumlah sumbangan yang anda perlu bayar dan terma-terma Sijil Takaful mungkin berubah bergantung kepada kelas risiko berdasarkan keperluan pengunderaitan AmMetLife Takaful.

Anggaran sumbangan yang anda perlu bayar:	RMXXX setahun
Tempoh Sumbangan:	XX tahun

AmMetLife Takaful memperuntukkan sebahagian daripada sumbangan untuk membeli unit-unit di dalam dana berkaitan pelaburan yang telah anda pilih. Sebarang amaun yang tidak diperuntukkan (fi wakalah) akan digunakan untuk membayar komisen kepada ejen/penasihat kewangan dan lain-lain perbelanjaan AmMetLife Takaful. Anda dinasihatkan untuk merujuk kepada kadar peruntukan yang diberi di dalam Ilustrasi Manfaat.

Anda mempunyai tiga puluh (30) hari dari tarikh sumbangan perlu dibayar untuk membayar sumbangan. Jika anda tidak membayar sumbangan anda di dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh sumbangan perlu dibayar, sijil anda akan terus berkuatkuasa selagi nilai unit yang dilaburkan di dalam DPP adalah mencukupi untuk ditolak Tabarru' pelan asas, Tabarru' rider (jika ada) dan lain-lain caj; jika tidak sijil anda akan luput.

AmMetLife Takaful berhak untuk menyemak semula sumbangan dengan memberikan notis bertulis yang akan dikeluarkan bersama dengan notis mengenai semakan fi dan caj.

5. Apakah fi dan caj yang perlu saya bayar?

- **Fi Wakalah** – Fi wakalah sebagai peratusan sumbangan akan dikenakan. Sila rujuk kepada Ilustrasi Manfaat untuk amaun fi wakalah.
- **Tabarru'** – Amaun tabarru' akan ditolak secara bulanan dari nilai DPP anda. Butiran amaun tabarru' dan lain-lain caj untuk pelan ini adalah seperti yang dinyatakan di dalam Ilustrasi Manfaat.
- **Fi Perkhidmatan Bulanan** – RM12 akan ditolak secara bulanan daripada nilai DPP anda.
- **Fi Serahan** – RM100 atau 10% daripada nilai semasa unit dari DPP, yang mana lebih rendah.

6. Apakah terma dan syarat yang perlu saya ketahui?

- **Kepentingan Pendedahan** – Anda mesti mendedahkan semua fakta penting seperti keadaan kesihatan dan menyatakan umur/tarikh lahir anda dengan betul. Jika tidak Sijil Takaful mungkin akan dibatalkan dari awal.
- **Tempoh Rujukan Percuma** – Anda boleh membatalkan Sijil Takaful dengan memberi notis secara bertulis kepada AmMetLife Takaful dalam masa lima belas (15) hari daripada tarikh Sijil Takaful diterima oleh anda. Pada masa pembatalan, AmMetLife Takaful akan memulangkan yang berikut:
 - jumlah fi wakalah (sumbangan yang tidak diperuntukkan);
 - nilai DPP pada tarikh penilaian berikutnya; dan
 - sebarang amaun tabarru' dan fi perkhidmatan bulanan yang telah ditolak;
 ditolak fi pemeriksaan perubatan, jika ada.
- **Had ke atas Manfaat HUMK** – Manfaat HUMK akan tamat pada tarikh ulang tahun Sijil Takaful sejurus sebelum ulang tahun ke-lapan puluh (ke-80) peserta. Jumlah Risiko* untuk manfaat HUMK yang perlu dibayar kepada peserta di bawah Sijil Takaful ini dan semua sijil individu dan berkelompok lain dengan AmMetLife Takaful adalah dihadkan kepada RM8,000,000.00. sekiranya Jumlah Risiko* (jika ada) yang dibayar di bawah Sijil dan semua sijil yang berkuatkuasa melebihi had RM8,000,000.00, hanya RM8,000,000.00 akan dibayar sekaligus. Sijil ini akan terus berkuatkuasa dengan perlindungan kematian dan kematian akibat kemalangan. Jumlah Perlindungan Asas akan dikurangkan mengikut jumlah sebenar manfaat HUMK yang dibayar di bawah sijil bagi tuntutan HUMK. Walau bagaimanapun, manfaat kematian akibat kemalangan akan dikira berdasarkan kepada Jumlah Asas Perlindungan sebelum tuntutan HUMK. Terma dan syarat penuh dinyatakan dalam Sijil Takaful.

*Jumlah Risiko adalah perbezaan jumlah di antara Jumlah Perlindungan Asas dan nilai DPP dengan syarat Jumlah Perlindungan Asas adalah lebih tinggi daripada nilai DPP.

- **Had ke atas Manfaat Kematian Akibat Kemalangan** – Manfaat ini akan tamat pada tarikh ulang tahun Sijil Takaful sejeurus sebelum ulang tahun ke-tujuh puluh (ke-70) peserta. Jumlah yang perlu dibayar di bawah Sijil Takaful ini dan semua sijil individu dan berkelompok lain dengan AmMetLife Takaful bagi peserta yang sama adalah terhad kepada RM8,000,000.00.
- **Nilai Tunai** - Nilai tunai adalah nilai DPP Sijil Takaful berkaitan pelaburan anda berdasarkan prestasi dana-dana berkaitan pelaburan yang telah dipilih.
Semakin tinggi nilai perlindungan takaful yang dipilih, lebih banyak unit akan digunakan untuk membayar amaun Tabarru' dan hanya tinggal lebihan kecil unit untuk mengumpul nilai tunai di bawah sijil anda. Sila ambil perhatian bahawa nilai tunai mungkin akan kurang daripada jumlah sumbangan yang telah anda bayar
- **Sijil Luput** – Sijil akan luput apabila nilai DPP tidak mencukupi untuk ditolak amaun tabarru' dan lain-lain caj.
Nilai DPP anda mungkin menjadi tidak mencukupi di dalam masa beberapa tahun kerana:
 - a) Amaun Tabarru' yang tinggi jika anda menyertai banyak rider, dan terutamanya jika amaun tersebut bertambah setara dengan peningkatan usia anda;
 - b) Pulangan pelaburan yang tidak baik;
 - c) Jika anda berhenti membayar sumbangan di dalam satu tempoh masa yang panjang, tabarru' dan fi perkhidmatan bulanan mungkin menghabiskan dana anda.
- **Sumbangan Tambahan** – Anda dibenarkan untuk membuat sumbangan tambahan di bawah Sijil Takaful ini dan ini boleh dilakukan pada bila-bila masa semasa Sijil Takaful berkuatkuasa. Sumbangan tambahan minima ialah Ringgit Malaysia lima puluh (RM50).
- **Pengeluaran Sebahagian** – Anda dibenarkan melakukan pengeluaran sebahagian dari DPP anda. Walau bagaimanapun, manfaat yang dibayar di bawah Sijil Takaful ini mungkin berkurangan selepas pengeluaran sebahagian dibuat. Sekiranya manfaat selepas pengeluaran sebahagian tersebut kurang daripada jumlah perlindungan minimum yang diperlukan oleh AmMetLife Takaful, AmMetLife Takaful mempunyai hak untuk menganggap pengeluaran sebahagian anda sebagai penyerahan sepenuhnya. Selepas penyerahan penuh, nilai DPP akan dibayar dan Sijil Takaful ini tamat. Anda boleh merujuk kepada Sijil Takaful untuk maklumat lanjut.

Nota: Senarai ini adalah tidak menyeluruh. Sila rujuk kepada dokumen-dokumen Sijil Takaful untuk terma dan syarat yang lengkap.

7. Apakah pengecualian-pengecualian yang utama?

Manfaat	Pengecualian
Manfaat Kematian	AmMetLife Takaful tidak akan membayar manfaat kematian sekiranya peserta meninggal dunia disebabkan oleh perkara-perkara berikut: a) bunuh diri (sama ada semasa waras atau tidak waras) dalam tempoh satu (1) tahun dari tarikh kuatkuasa; atau b) semasa peserta di bawah pengaruh alkohol, narkotik atau dadah selain daripada yang dipreskripsi oleh pegawai perubatan yang bertauliah. Jika perkara tersebut berlaku, AmMetLife Takaful hanya membayar nilai DPP (jika ada).
Manfaat HUMK	AmMetLife Takaful tidak akan membayar manfaat HUMK untuk mana-mana HUMK yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung, sepenuhnya atau sebahagian oleh perkara- perkara berikut: a) cubaan membunuh diri atau mencederakan diri sendiri sama ada semasa waras atau tidak waras; atau b) semasa berada di bawah pengaruh alkohol, narkotik atau salah guna dadah selain daripada yang dipreskripsi oleh pegawai perubatan yang bertauliah; atau c) hilang upaya yang berlaku sebelum permulaan perlindungan takaful di bawah Sijil Takaful ini.

Manfaat Kematian Akibat Kemalangan	AmMetLife Takaful tidak akan membayar manfaat indemniti berganda, semasa mengerjakan Haji atau Umrah sekiranya Peserta meninggal dunia disebabkan oleh perkara-perkara berikut: a) serangan dan pembunuhan; atau b) perang, pencerobohan, tindakan musuh asing, permusuhan atau operasi perang, perang saudara, pemberontakan, revolusi, rusuhan, pemberontakan, kekecohan awam, kuasa ketenteraan atau rampasan; atau c) perkhidmatan ketenteraan atau tentera laut semasa peperangan (tidak kira sama ada diisytiharkan atau tidak), di bawah arahan operasi perang atau pemulihan ketenteraman awam; atau d) melakukan penangkapan sebagai pegawai undang-undang.
--	--

Nota: Senarai ini adalah tidak menyeluruh. Sila rujuk kepada dokumen-dokumen Sijil Takaful untuk senarai pengecualian, terma dan syarat yang lengkap.

8. Bolehkah saya membatalkan Sijil Takaful saya?

Penyertaan di dalam pelan berkaitan pelaburan ini adalah satu komitmen kewangan jangka panjang. Adalah tidak digalakkan untuk memegang Sijil ini untuk tempoh yang singkat memandangkan kos permulaannya yang tinggi. Jika anda mendapati bahawa dana pelaburan yang dipilih tidak lagi sesuai, anda mempunyai fleksibiliti untuk menukar dana. Jika anda membatalkan Sijil anda, anda mungkin menerima nilai yang kurang daripada jumlah sumbangan yang telah anda bayar dan anda dan keluarga anda tidak akan mendapat manfaat daripada pelan ini lagi.

9. Apakah yang perlu saya lakukan jika ada perubahan kepada butiran untuk menghubungi saya?

Anda perlu memberitahu AmMetLife Takaful secara bertulis jika ada perubahan kepada butiran untuk menghubungi anda untuk memastikan semua surat menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya.

10. Di mana boleh saya dapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan mengenai Takaful Keluarga, sila rujuk kepada buku nota kecil insurance info "Takaful Keluarga", ianya boleh didapati di pejabat kami atau anda boleh mendapatkan salinannya daripada wakil AmMetLife Takaful atau layari www.insuranceinfo.com.my. Jika anda ada sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di alamat di bawah.

AmMetLife Takaful Berhad (201101002936)

Tingkat 23, Menara 1 Sentrum,
No. 201, Jalan Tun Sambanthan,
50470, Kuala Lumpur.
Tel: 1 300 22 9777 Fax: (603) 2272 3229
Emel: customercare@ammetlifetakaful.com
Laman Sesawang: ammetlifetakaful.com

SMS

Taip AMT<jarak>Pesanan
Hantar ke 33911

Jika anda perlu membuat tuntutan, anda mesti menghantar pemberitahuan bertulis kepada AmMetLife Takaful. Untuk tuntutan perubatan dan kemalangan, ianya perlu dihantar dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh kejadian manakala untuk tuntutan lain, ia adalah dalam tempoh enam puluh (60) hari dari tarikh kejadian. Apabila kami telah menerima pemberitahuan tersebut, kami akan memaklumkan kepada anda mengenai dokumen-dokumen yang perlu dilengkapkan dan hantarkan kepada kami untuk memproses tuntutan anda.

11. Perlindungan Takaful Keluarga lain yang serupa.

Sila hubungi AmMetLife Takaful untuk pelan-pelan lain yang serupa yang ditawarkan oleh AmMetLife Takaful.

NOTA PENTING:

INI ADALAH PRODUK TAKAFUL YANG BERKAIT DENGAN PRESTASI ASET-ASET SANDARAN, DAN BUKAN PRODUK PELABURAN TULEN SEPERTI UNIT AMANAH. ANDA HENDAKLAH MENILAI PILIHAN-PILIHAN ANDA DENGAN TELITI DAN BERPUAS HATI BAHAWA PELAN TAKAFUL BERKAITAN PELABURAN YANG DIPILIH MEMENUHI KEPERLUAN RISIKO ANDA, DAN ANDA MAMPU MEMBUAT SUMBANGAN SEPANJANG TEMPOH SIJIL. UNTUK MENINGKATKAN NILAI PELABURAN PADA BILA-BILA MASA, ANDA DISARANKAN MEMBUAT SUMBANGAN-SUMBANGAN TAMBAHAN SEBAGAI 'SUMBANGAN TAMBAHAN'. PULANGAN BAGI DANA BERKAITAN PELABURAN ADALAH TIDAK DIJAMIN.

1. Sila ambil perhatian bahawa dokumen ini hanya untuk rujukan sahaja dan tidak menjadi sebahagian daripada kontrak takaful dan/atau nasihat profesional. Terma dan syarat penuh pelan ini dinyatakan di dalam Sijil Takaful.
2. Dokumen ini hendaklah dibaca bersama Ilustrasi Manfaat yang disediakan oleh wakil AmMetLife Takaful.
3. Semua permohonan untuk menyertai pelan takaful ini mestilah dibuat dengan mengisi Borang Permohonan Takaful Keluarga. AmMetLife Takaful berhak untuk menerima atau menolak mana-mana permohonan berdasarkan budi bicara AmMetLife Takaful.
4. Anda mestilah berpuas hati bahawa pelan ini menepati keperluan anda dan sumbangan yang perlu dibayar di bawah Sijil Takaful ini adalah amaun yang anda mampu bayar.
5. Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah sijil yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi AmMetLife Takaful Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).